
International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969



INTERNATIONAL JOURNAL OF MODERN EDUCATION (IJMOE)
www.gaexcellence.com/ijmoe

MOTIVATION, WRITING STRATEGIES, AND WRITING PERFORMANCE AMONG UNIVERSITY STUDENTS: A LITERATURE REVIEW

MOTIVASI, STRATEGI DAN PRESTASI PENULISAN PELAJAR UNIVERSITI: SATU SOROTAN LITERATUR

Noor Malinjasari Ali[1], Rahayu Izwani Borhanuddin[2*], Ruzaidah Sulong @A. Rashid[3], Siti Nurul 'Ain Zaiton[4], Suzila Mat Salleh[5], Siti Fatimah Mardiah Hamzah[6], Raslina Mohamed Nor[7], Hasmida Mohd Noor[8], Hasmi Mokhlas[9], Nurmuslimah Kamilah Abdullah[10]

[1]Faculty of Business & Management, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Malaysia
noorm726@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0006-0162-8133
[2]Faculty of Business & Management, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Malaysia
rahay823@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0001-2840-1012
[3]Faculty of Business & Management, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Malaysia
ruzai019@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0009-8054-7324
[4]Faculty of Applied Science, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Malaysia
siti6687@uitm.edu.my https://orcid.org/0000-0002-2465-6130
[5]Faculty of Business & Management, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Malaysia
suzilamsalleh@uitm.edu.my https://orcid.org/0000-0001-5170-0187
[6]Faculty of Business & Management, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Malaysia
sfatimah@uitm.edu.my https://orcid.org/0000-0003-0608-5458
[7]Faculty of Business & Management, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Malaysia
raslina@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0006-1417-1988
[8]Faculty of Business & Management, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Malaysia
hasmidam@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0004-6554-0208
[9]Faculty of Business & Management, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Malaysia
hasmi@uitm.edu.my https://orcid.org/0009-0008-1064-2679
[10]Faculty of Business & Management, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Terengganu, Malaysia
nurmuslimah@uitm.edu.my https://orcid.org/0000-0002-7543-5995
*Corresponding Author

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969

Article Info:

Article history:
Received date: 03.08.2026
Revised date: 30.08.2026
Accepted date: 21.09.2026
Published date: 30.09.2026

To cite this document:

Ali, N. M., Borhanuddin, R. I., Rashid, R. S. A., Zaiton, S. N. 'A., Salleh, S. M., Hamzah, S. F. M., Nor, R. M., Noor, H. M., Mokhlas, H., & Abdullah, N. K. (2026). Motivation, Writing Strategies, And Writing Performance Among University Students: A Literature Review. *International Journal of Modern Education, 8*(31), 1953-1969.

DOI: 10.35631/IJMOE.831114

Abstract:

Motivasi dan strategi menulis merupakan faktor penting dalam penulisan yang berkesan kerana kedua-duanya mempengaruhi penglibatan, ketekunan dan prestasi penulisan pelajar. Kajian ini merupakan sorotan literatur yang meneliti kajian terdahulu mengenai motivasi menulis dan strategi penulisan. Kajian lepas menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai motivasi tinggi cenderung menggunakan pelbagai strategi, khususnya strategi kawal selia kendiri dan metakognitif, untuk membantu mereka mengurus proses penulisan dengan lebih berkesan serta mencapai prestasi penulisan yang lebih baik. Motivasi menulis juga bersifat dinamik dan dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti kepercayaan dan emosi, serta faktor luaran seperti amalan pengajaran dan persekitaran pembelajaran. Sorotan kajian turut menunjukkan hubungan antara motivasi dan penggunaan strategi, yang menunjukkan bahawa motivasi sahaja tidak mencukupi tanpa strategi penulisan yang berkesan. Oleh itu, pengajaran penulisan perlu mengintegrasikan sokongan motivasi dan strategi untuk membantu pelajar mengembangkan kemahiran serta meningkatkan prestasi penulisan mereka.

Kata Kunci:

Motivasi Menulis, Strategi Menulis, Pembelajaran Kendiri, Metakognitif, Prestasi Menulis

Abstract:

Writing motivation and writing strategies play an important role in effective writing, particularly in shaping students' engagement, persistence, and writing performance. This study reviews previous research on writing motivation and writing strategies to better understand their relationship. Findings from previous studies suggest that students with higher levels of motivation tend to use a wider range of strategies, particularly self-regulated and metacognitive strategies, to manage different stages of the writing process and improve their writing performance. Writing motivation is not static; it can be shaped by internal factors, such as students' beliefs and emotions, as well as external factors, including teaching practices and the learning environment. The literature also points to a close relationship between students' motivation and their use of writing strategies, suggesting that motivation alone may not be enough to achieve good writing performance. Effective writing instruction should therefore provide both motivational and strategic support to help students develop their writing skills and improve their overall writing performance.

Keyword:

Writing Motivation, Writing Strategies, Self-Regulated Learning, Metacognition, Writing Performance

© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the

International Journal of Modern Education
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969
original work is properly cited. For commercial re-
use, please contact ijmoe@gaexcllence.com.

Pengenalan

Proses pembelajaran sememangnya kompleks, memerlukan gabungan keadaan tertentu dan ciri-ciri individu yang tertentu. Selama beberapa dekad, kajian ilmiah telah menyelidik secara meluas bagaimana perbezaan individu dalam personaliti, motivasi, teknik dan sistem kepercayaan memberi kesan kepada hasil pendidikan. Menulis, khususnya, mewakili cabaran yang menakutkan yang dicirikan oleh banyak pemboleh ubah; ia berdiri sebagai kecekapan akademik terpenting yang disokong oleh literasi dan didorong oleh hala tuju serta menjadi penentu kepada pengarang (Graham, 2018). Tambahan pula, penulisan berfungsi sebagai wadah untuk meluaskan dan memperhalusi asas pengetahuan pelajar (Keys, 2000). Pelajar menukar kaedah untuk menyediakan, menilai dan menyemak teks untuk tujuan tertentu, seperti mengarang cerita, menghasilkan laporan atau menyampaikan hujah melalui penulisan.

Menulis merupakan kemahiran akademik asas yang memainkan peranan penting dalam kejayaan pendidikan pelajar. Walau bagaimanapun, menulis bukan sekadar aktiviti linguistik; ia merupakan satu proses kompleks yang melibatkan komponen kognitif, metakognitif dan afektif. Banyak faktor mempengaruhi penulisan dan prestasi pelajar; antaranya ialah motivasi menulis dan strategi menulis yang dikenal pasti sebagai faktor penting dalam prestasi penulisan pelajar. Motivasi menulis merujuk kepada kesediaan, minat dan keyakinan pelajar untuk melibatkan diri dalam tugasan menulis, manakala strategi menulis merujuk kepada proses kognitif dan kawal selia kendiri yang digunakan untuk merancang, memantau dan menyemak semula penulisan.

Kajian terkini menekankan bahawa motivasi dan penggunaan strategi saling berkait rapat dan bersama-sama menyumbang kepada pembangunan penulisan. Pelajar yang bermotivasi tinggi lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam strategi penulisan yang berkesan, yang seterusnya meningkatkan prestasi penulisan mereka (Zhang et al., 2024). Sebaliknya, penggunaan strategi yang sesuai boleh mengukuhkan motivasi dengan meningkatkan hasil penulisan dan keyakinan pelajar (Hwang, 2025). Walau bagaimanapun, nilai tugasan adalah satu lagi modul motivasi yang menyumbang kepada kejayaan pembelajaran dan prestasi. Harapan kepada kejayaan pelajar adalah tidak sempurna tanpa nilai tugasan (Wigfield & Cambria, 2010). Pernyataan ini merujuk kepada kepentingan pelajar menguasai sesuatu kemahiran. Pelajar akan menghargai pembelajaran dan meningkatkan kemahiran menulis mereka jika mereka percaya bahawa kemahiran yang diperlukan untuk mendapatkan pekerjaan dan mengatasi masalah pengangguran atau kepentingan penulisan sekiranya pelajar ingin menjadi ahli masyarakat akademik. Beberapa objektif dan prinsip berkaitan dengan penulisan turut berkait dengan pencapaian bahasa Inggeris pelajar dalam konteks semasa. Ini termasuk keterujaan pelajar mendapat pengiktirafan global atau rentas sempadan, matlamat untuk meneruskan prestasi akademik atau profesional di luar negara, keinginan untuk melibatkan diri dengan individu daripada pelbagai bangsa dan budaya, dan pelbagai matlamat lain yang khusus terutamanya pada kegunaan secara praktikal mengenai bahasa Inggeris, seperti memudahkan perjalanan ke luar negara, memupuk persahabatan antara budaya dan memperoleh pengetahuan mengenai sesuatu yang hanya boleh didapati dengan menguasai bahasa Inggeris.

Strategi pembelajaran dan asas motivasi didapati mempunyai pengaruh yang penting terhadap prestasi pembelajaran pelajar. Pelbagai pendekatan digunakan oleh pelajar untuk menyelesaikan tugasan mereka (Brown, 2000). Begitu juga, Nguyen & Gu (2013) menyatakan

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969
bahawa untuk meningkatkan prestasi penulisan pelajar, pelaksanaan strategi merupakan salah satu ciri paling kritikal dan paling menyukarkan untuk menilai prestasi penulisan. Gaya penulisan tertentu telah mencetuskan kebimbangan tentang perkembangannya. Walaupun perkembangan kemahiran menulis dibentuk oleh pola pendidikan dan bagaimana guru membentuk disiplin penulisan itu berlaku, kemajuan dalam penulisan juga dipengaruhi oleh proses individu itu sendiri, di mana individu yang rajin belajar dan melatih diri untuk menulis dapat menguasai teknik menulis dan begitu juga sebaliknya (Graham, 2018). Kajian ini dibuat atas premis bahawa perubahan individu mempengaruhi penulisan pelajar dengan ketara.

Pernyataan Masalah

Motivasi akademik diiktiraf sebagai faktor penting yang mempengaruhi pelajar untuk menyiapkan tugasan dan memupuk penglibatan yang lebih mendalam dalam proses pembelajaran (Graham, 2018; Keys, 2000). Konstruk ini secara berkesan menyumbang kepada perbezaan dalam usaha yang dilakukan oleh pelajar ke arah tugas akademik mereka, menjadikan penulisan sebagai asas pedagogi dan latihan yang berkesan. Teori motivasi secara amnya berpendapat bahawa dorongan akademik mempunyai kesan positif ke atas fungsi seseorang pelajar (Keys, 2000). Tambahan pula, Nguyen & Gu (2013) menekankan korelasi yang berbeza antara tahap motivasi pelajar dan penggunaan pelbagai strategi pembelajaran. Walaupun jumlah penyelidikan mengenai motivasi menulis dan strategi penulisan semakin meningkat, masih terdapat beberapa jurang dalam literatur yang perlu diberi perhatian. Pertama, banyak penyelidikan mengkaji motivasi dan strategi secara berasingan, dengan kajian terhad yang mengkaji kesan bersepadu motivasi dan strategi penulisan terhadap prestasi penulisan. Walaupun beberapa kajian menonjolkan kesalinghubungan antara motivasi dan strategi penulisan, masih terdapat keperluan untuk model yang lebih komprehensif untuk menerangkan bagaimana motivasi dan strategi penulisan saling berkaitan dan berinteraksi. Dalam literatur sedia ada, hubungan antara motivasi, penggunaan strategi dan prestasi penulisan masih belum jelas dalam satu sintesis. Kedua, kebanyakan penyelidikan sedia ada telah dijalankan dalam konteks Barat atau Asia Timur, dengan kajian yang terhad terhadap wilayah lain, khususnya Asia Tenggara. Ini mewujudkan jurang dalam memahami bagaimana konteks budaya dan pendidikan mempengaruhi motivasi penulisan dan penggunaan strategi. Ketiga, walaupun kajian baru-baru ini telah mula meneroka persekitaran penulisan digital dan bantuan AI (Artificial Intelligence), penyelidikan dalam bidang ini masih terhad. Terdapat keperluan untuk lebih banyak kajian literatur yang mengkaji bagaimana motivasi dan penggunaan strategi pelajar mempengaruhi prestasi penulisan. Akhirnya, kajian secara terperinci adalah terhad, menjadikan sukar untuk memahami dengan baik bagaimana motivasi dan strategi menulis berkembang dari semasa ke semasa.

Memandangkan banyak penyelidikan tertumpu kepada pelbagai elemen pembelajaran secara umum dan penulisan secara khusus, sedikit sahaja perhatian telah diberikan kepada hubungan antara efikasi kendiri, nilai tugasan dan prestasi penulisan dengan strategi dan motivasi menulis. Kebanyakan penyelidikan mengkaji tentang evolusi kemahiran menulis dan telah memberi tumpuan kepada pengaruh intervensi pedagogi atau arahan strategi ke atas hasil penulisan. Walau bagaimanapun, hanya sebilangan kecil kajian yang telah mengeksplorasi kepentingan variasi individu terhadap prestasi menulis. Oleh itu, kajian ini cuba mendalami perkaitan antara pengetahuan menulis, pendekatan strategik, kemahiran, dan motivasi (khususnya, efikasi kendiri dan nilai tugasan) yang berkaitan dengan prestasi penulisan pelajar. Di samping itu, persekitaran pembelajaran yang semakin rumit, termasuk pembelajaran dalam konteks digital dan dalam talian, telah meningkatkan lagi kepentingan memahami bagaimana

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969
motivasi menulis dan strategi menulis saling berinteraksi. Terdapat juga beberapa penyelidikan yang mengkaji peranan efikasi kendiri, strategi metakognitif, dan amalan pengajaran dalam membentuk hasil penulisan pelajar. Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas, objektif kajian adalah untuk:

- Mengeksplorasi motivasi menulis dan strategi menulis dalam kalangan pelajar universiti serta hubungannya dengan prestasi penulisan;
- Membuat kerangka konseptual berdasarkan sorotan literatur berkaitan hubungan antara motivasi menulis, strategi menulis dan prestasi penulisan pelajar universiti.

Persoalan kajian ini adalah:

- Bagaimanakah motivasi menulis pelajar universiti dihuraikan dalam literatur?
- Bagaimanakah strategi menulis pelajar universiti dihuraikan dalam literatur?
- Bagaimanakah hubungan antara motivasi menulis, strategi menulis dan prestasi penulisan pelajar universiti dihuraikan dalam literatur?

Oleh itu, jurang kajian yang diberi perhatian ialah bagaimana motivasi, khususnya efikasi kendiri dan nilai tugasan, berkait dengan pemilihan dan penggunaan strategi penulisan serta bagaimana hubungan tersebut dikaitkan dengan prestasi penulisan.

Ulasan Sorotan Literatur

Teori Nilai Harapan (EVT) dan Motivasi Menulis

Menurut Teori Nilai-Harapan (Expectancy Value Theory - EVT), jangkaan pelajar, iaitu keyakinan mereka terhadap keupayaan menyelesaikan kerja penulisan tertentu dan nilai tugasan yang dinilai, adalah bersifat subjektif dan berinteraksi secara dinamik. Interaksi ini didorong oleh faktor motivasi untuk menulis. Nilai ini mempunyai banyak aspek, termasuk nilai intrinsik (kegembiraan murni menulis), nilai utiliti (kegunaan penulisan untuk objektif akademik atau kerjaya profesional), dan nilai pencapaian (kepentingan kejayaan dalam mengekalkan identiti diri yang positif sebagai "penulis yang baik"). Kos yang dirasakan dalam aspek ini, termasuk ketegangan emosi, keletihan mental, dan kos peluang (opportunity cost) masa yang hilang untuk aktiviti lain, mesti dinilai bersama faktor pendorong untuk menulis serta menjadi penentu sama ada pelajar mengambil bahagian sepenuhnya dalam proses penulisan atau mengelak sepenuhnya daripada kerja penulisan ini.

Marten (2025) menyatakan bahawa Expectancy-Value Theory (EVT) digunakan untuk mentafsir keputusan kajian memandangkan persepsi pelajar terhadap kecekapan mereka sendiri dan kegunaan teknik melalui sumber-sumber tertentu. Ia boleh menjadi pengukuhan dan menjadi faktor utama dalam keupayaan untuk berjaya memperoleh kebolehan menulis ini. Apabila bercakap tentang motivasi menulis, jangkaan pelajar terhadap kejayaan meningkat apabila mereka memperoleh "pengetahuan metastrategik" dan melihat peningkatan dalam "keupayaan mengolah sumber" mereka sendiri. Ini membina efikasi kendiri (self-efficacy) yang diperlukan untuk mengambil bahagian dalam tugasan penulisan berasaskan bukti yang mencabar. Selain itu, campur tangan tenaga pengajar dalam meningkatkan pencapaian dan nilai utiliti penilaian maklumat dengan mengajar pelajar kaedah mengemudi dunia maklumat yang terkadang palsu dan penuh kepura-puraan. Pelajar yang mendapati strategi ini relevan secara peribadi lebih cenderung bermotivasi dalam menulis dengan memasukkan diri mereka sendiri

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969
ke dalam penulisan dengan mewujudkan autoriti dan kredibiliti. Secara tidak langsung, walaupun latihan penulisan kebanyakannya tertumpu kepada kebolehan penilaian kognitif, ia juga dapat membina asas motivasi untuk menulis dengan memberi pelajar kaedah yang cekap (dalam jangkaan mereka) dan pengetahuan bahawa penerokaan dan soalan yang teliti adalah bahagian penting dan bernilai tinggi dalam proses penulisan (nilai).

Shafiee (2026) menyebut bahawa Expectancy-Value Theory (EVT) menjelaskan bahawa motivasi pelajar untuk menulis adalah berdasarkan kepada dua faktor utama iaitu nilai tugas subjektif mereka (kepentingan, minat, atau utiliti yang mereka temui dalam aktiviti) dan jangkaan mereka untuk berjaya (kepercayaan terhadap kapasiti mereka untuk mencapai kerja). Ini mewujudkan rangka kerja psikologi dalam konteks penulisan dalam bahasa kedua (Language Two - L2), di mana pelajar lebih cenderung untuk melibatkan diri sepenuhnya dan tabah walaupun menghadapi kesukaran jika mereka berasa cekap dan merasakan nilai yang jelas dalam produk akhir mereka. Dengan menawarkan latihan individu dan maklum balas segera, penyepaduan EVT dengan persekitaran Pembelajaran Adaptif (Adaptive Learning - AL) menyasarkan kedua-dua tunjang ini, seperti yang ditekankan oleh kajian yang telah lepas. Strategi ini bersesuaian dalam meningkatkan "nilai" melalui jejak kemajuan masa nyata yang berkaitan sambil meningkatkan "jangkaan" dengan memastikan tugasan sepadan dengan tahap kemahiran pelajar. Ini menggalakkan pertumbuhan sikap yang positif dan toleransi maklum balas yang lebih tinggi. Pada akhirnya, pelajar menunjukkan peningkatan kesedaran metakognitif dan daya tahan apabila mereka melihat tugas menulis sebagai perkara yang besar dalam kehidupan pelajar dan boleh dicapai, yang akhirnya menghasilkan keuntungan ketara dalam kecekapan menulis secara keseluruhan.

Dapatan kajian oleh Shurovi (2025) bertepatan dengan Teori Nilai-Harapan (EVT), terutamanya apabila ia melibatkan komponen "nilai" bertindak sebagai pautan psikologi yang penting untuk pelajar. Teori Nilai-Harapan (EVT) berpendapat bahawa pilihan, ketabahan dan prestasi seseorang dipengaruhi oleh nilai subjektifnya terhadap sesuatu kerja serta jangkaannya untuk berjaya. Penemuan bahawa nilai tugasan menjadi pengantara hubungan antara orientasi matlamat dan penggunaan strategi pembelajaran dalam konteks ini membayangkan bahawa pelajar perlu menganggap tugasan menulis sebagai penting atau berguna secara intrinsik untuk mengaktifkan strategi kognitif peringkat tinggi; hanya dengan mempunyai matlamat (seperti penguasaan atau prestasi) tidak mencukupi, pelajar memerlukan lebih daripada itu. Kenyataan ini menyokong idea yang lebih umum tentang motivasi menulis, iaitu mengikut peraturan kendiri yang didorong oleh nilai yang dirasakan oleh pelajar dan minat pelajar dalam aktiviti penulisan. Adalah menarik untuk diperhatikan bahawa walaupun kelihatan berlawanan dengan intuisi, terdapat korelasi positif antara kebimbangan pelajar dalam menulis dan penggunaan strategi menulis. Ini menunjukkan bahawa, bagi pelajar, kebimbangan boleh bertindak sebagai daya "memudahkan" dan bukannya "melemahkan".

Tenaga pengajar perlu menggalakkan mereka menggunakan strategi pembelajaran yang lebih mencabar untuk mengurangkan risiko perasaan kegagalan dan memenuhi jangkaan mereka untuk berjaya. Kajian daripada Hasibuan (2024) menunjukkan bahawa keutamaan penulis berpencapaian tinggi terhadap peraturan nilai adalah selaras dengan prinsip asas Teori Jangkaan-Nilai (EVT). Menurut EVT, perkaitan subjektif pelajar terhadap kerja dan jangkaan kejayaan mereka mempengaruhi keputusan yang berkaitan dengan pencapaian. Pelajar yang berjaya menggunakan teknik peraturan nilai pada asasnya mengukuhkan nilai utiliti dan pencapaian tugasan. Penulisan hujah memerlukan pelajar untuk merundingkan tuntutan kognitif yang rumit. Skor min yang tinggi untuk pengawalan nilai dalam kalangan penulis

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969
mahir menunjukkan bahawa mengekalkan rasa "mengapa" dalam penulisan adalah penting. Begitu juga, perkara penulisan adalah penting untuk pelajar yang telah menguasai "bagaimana". Walau bagaimanapun, kajian ini (Hasibuan, 2024) mendapati tiada korelasi yang signifikan secara statistik antara strategi peraturan dan keupayaan menulis.

Strategi Menulis

Strategi menulis merujuk kepada proses kognitif dan metakognitif yang digunakan oleh penulis dalam proses penulisan. Ini termasuk merancang, mengatur, memantau dan menyemak semula hasil penulisan. Penyelidikan secara konsisten menunjukkan bahawa penggunaan strategi penulisan yang berkesan adalah penting untuk menghasilkan teks berkualiti tinggi. Pembelajaran kawal selia kendiri memainkan peranan penting dalam strategi penulisan. Hwang (2025) mendapati bahawa strategi pembelajaran kawal selia kendiri adalah signifikan dalam meramal pencapaian penulisan dan menjadi pengantara hubungan antara maklum balas dan prestasi penulisan. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang aktif mengawal proses pembelajaran mereka lebih berjaya dalam tugasan penulisan. Dapatan ini selaras dengan Graham (2018), yang menekankan bahawa penulisan melibatkan proses yang kompleks dan memerlukan pengawalan terhadap proses penulisan. Tambahan pula, dalam kerangka Self-Regulated Learning (SRL), motivasi membantu mendorong pengawalan kendiri, manakala strategi seperti perancangan, pemantauan dan penyemakan membantu pelajar menterjemahkan motivasi kepada tindakan dan prestasi penulisan (Zimmerman, 2001).

Begitu juga, kajian mengenai strategi metakognitif menunjukkan bahawa strategi ini membantu mengurangkan kebimbangan menulis dan meningkatkan prestasi. Sebagai contoh, penggunaan strategi metakognitif telah ditunjukkan berkorelasi negatif dengan kebimbangan menulis manakala dikaitkan secara positif dengan efikasi kendiri (Teng & Yue, 2023). Ini membuktikan kepentingan melengkapkan pelajar dengan strategi yang membolehkan mereka mengurus kedua-dua aspek kognitif dan emosi dalam penulisan.

Kajian Lepas Mengenai Motivasi Menulis

Salah satu faktor motivasi yang paling diakui dan mempunyai kaitan rapat dengan strategi pengawalan kendiri ialah efikasi kendiri (Cleary & Zimmerman, 2004). Individu yang mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi adalah rajin dan mempunyai kegigihan dalam menyelesaikan isu kognitif. Mereka lebih menerima dan menggunakan strategi untuk mencari jawapan (Pajares, 2000). Motivasi tersebut adalah gangguan yang paling menonjol dalam pembelajaran (Graham, 2018) dan kaedah yang berkesan untuk meningkatkan motivasi harus lebih dipertimbangkan. Mempelajari peraturan kendiri, boleh menjadi salah satu daripada pendekatan ini. Pembelajaran kawal selia kendiri, dalam erti kata lain, kawal selia kendiri kognisi dan tingkah laku, adalah salah satu aspek penting pembelajaran dan fungsi akademik pelajar di dalam kelas (Nguyen & Gu, 2013). Keys (2000) menganggap pembelajaran secara kendiri ini sebagai prosedur yang aktif dan sistematik di mana pelajar menetapkan matlamat, mengawal pembelajaran mereka sendiri, dan kemudian mengawal tingkah laku berhubung dengan pembelajaran mereka. Perspektif ini menunjukkan bahawa motivasi bukan sahaja menjadi pendorong kepada penglibatan, tetapi turut mempengaruhi kesediaan pelajar untuk menetapkan matlamat, mengawal proses dan menggunakan strategi penulisan.

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969

Motivasi menulis diiktiraf secara meluas sebagai konstruk multidimensi yang merangkumi kepercayaan, sikap, matlamat dan tindak balas emosi pelajar terhadap penulisan. Menurut Alves-Wold et al. (2024), motivasi menulis merangkumi faktor seperti kepercayaan, maklum balas, matlamat dan sokongan pengajaran yang mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti penulisan. Ini menunjukkan bahawa motivasi dibentuk bukan sahaja oleh faktor dalaman tetapi juga oleh persekitaran pembelajaran. Begitu juga, Ikram et al. (2025) berpendapat bahawa motivasi menulis adalah dinamik dan bergantung kepada konteks, serta dipengaruhi oleh faktor sosiobudaya dan pengajaran. Tinjauan mereka mendapati bahawa penyelidikan berkaitan hal ini telah beralih fasa baharu daripada melihat motivasi sebagai sifat tetap kepada memahaminya sebagai proses yang berkembang dari semasa ke semasa.

Komponen utama motivasi menulis ialah efikasi kendiri, yang merujuk kepada kepercayaan pelajar terhadap keupayaan mereka untuk melaksanakan tugasan menulis dengan jayanya. Li et al. (2024) mendapati bahawa efikasi kendiri secara signifikan mempunyai hubungan dengan prestasi penulisan, dan merupakan peramal penting kepada prestasi penulisan. Walau bagaimanapun, kajian lain mencadangkan bahawa hubungan itu mungkin tidak secara langsung. Sebagai contoh, Yeung et al. (2024) mendapati bahawa efikasi kendiri mempengaruhi prestasi penulisan melalui faktor seperti kebimbangan mengenai kebolehan menulis mereka oleh pelajar. Penemuan ini menunjukkan bahawa motivasi berinteraksi dengan pembolehubah seperti emosi, menjadikannya sedikit kompleks dalam mencari faktor pendorong motivasi untuk menulis.

Zimmerman (2001) menyatakan pembelajaran pengawalan kendiri sebagai prosedur kawalan kendiri di mana pelajar menyesuaikan kebolehan mental mereka dengan kemahiran praktikal yang berkaitan. Kaedah ini mengutamakan pembelajaran sebagai satu aktiviti yang dijalankan secara aktif. Hasil kajian yang dijalankan mendapati dalam bidang kawal selia kendiri seperti yang dijelaskan oleh (Graham 2018) menunjukkan bahawa pelajar yang berjaya dan dikawal kendiri mempunyai ciri-ciri yang sama seperti motivasi intrinsik dan memperolehi kepuasan diri. Mereka juga menggunakan lebih banyak strategi kognitif dan metakognitif, mempercayai kebolehan mereka sendiri, menggunakan lebih banyak sumber untuk mencapai matlamat dan mendedahkan diri mereka kepada aspek kecekapan yang lebih baik dalam bidang penulisan.

Zimmerman dan Kitsantas (2005) menyatakan bahawa watak lebih menonjol apabila menggunakan strategi kognitif dan metakognitif dalam pembangunan motivasi. Mereka percaya bahawa strategi pembelajaran adalah penting untuk mengekalkan motivasi. Mereka juga berpendapat bahawa penyebab kepada penurunan motivasi adalah pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan tentang strategi yang betul dalam pelbagai situasi. Menurut kajian longitudinal oleh Ning & Downing (2010), peraturan kendiri pelajar dapat meramalkan motivasi mereka. Aksan, dalam kajiannya (2009), juga mengakui bahawa kelemahan dalam kawal selia kemahiran seterusnya menyebabkan motivasi yang lebih rendah serta menghalang pembelajaran dan proses penulisan.

Selain itu, hasil penyelidikan Perry, et al. (2008) mendapati bahawa penerapan latihan sokongan dan nilai tugas yang meningkatkan pembelajaran kawal selia kendiri mempunyai kesan yang signifikan terhadap perkembangan fungsi akademik pelajar. Meta-analisis yang dilakukan dengan membandingkan hasil 48 kajian dalam bidang kesan pembelajaran kawal selia kendiri terhadap pelajar sekolah rendah, menunjukkan bahawa hasil daripada program pengajaran kawal kendiri adalah pelajar menjadi lebih cekap dan seterusnya berguna untuk kejayaan pelajar (Dignath, et al. 2008). Oleh itu, adalah diharapkan bahawa pengajaran

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969

kemahiran pengawalan kendiri mempunyai peranan penting dalam meningkatkan efikasi kendiri dan motivasi akademik untuk kejayaan pelajar. Pengajaran kemahiran tersebut memerlukan sokongan yang mencukupi dan perlu untuk pelajar. Memandangkan kepentingan pengajaran strategi ini untuk pendidikan dan kekurangan pengajaran sedemikian dalam sektor pendidikan di peringkat kebangsaan, kajian ini nampaknya penting untuk membolehkan usaha untuk mengajar pelajar strategi menulis dapat direalisasikan.

Proses motivasi dan strategi menulis dalam menilai prestasi penulisan sangat penting. Efikasi kendiri yang lebih tinggi dikaitkan dengan peningkatan kualiti penulisan, penglibatan dalam tugas yang lebih besar, dan sikap yang lebih positif terhadap penulisan (Graham, 2018; Bruinsma, 2004; Keys, 2000). Zimmerman (2001) mengesahkan efikasi kendiri sebagai konstruk berbilang dimensi yang melibatkan idea, konvensyen, dan kawal selia kendiri (Keys, 2000), manakala Bruinsma (2004) menghubungkan efikasi kendiri dengan ukuran kejayaan akademik jangka panjang seperti HPNG (Himpunan Purata Nilai Gred) dan markah ujian standard. Begitu juga, Clearly & Zimmerman (2004) menekankan hubungan antara efikasi kendiri dan kualiti penulisan, menunjukkan bahawa kepercayaan terhadap keupayaan menulis secara perlahan-lahan membentuk hasil yang baik dalam kalangan pelajar (Liew & Mctigue, 2008).

Kajian Lepas Mengenai Strategi Menulis

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa strategi menulis memainkan peranan penting dalam perkembangan kemahiran menulis pelajar. Penggunaan strategi yang sesuai dapat membantu pelajar mengurus proses penulisan dengan lebih sistematik, termasuk aspek perancangan, penghasilan dan penyemakan penulisan (Hwang, 2025; Nguyen & Gu, 2013; Roca de Larios et al., 2008; Sasaki, 2007; Wong, 2005). Penyelidikan mengenai hubungan antara strategi menulis dan kebolehan menulis yang lebih cenderung menggunakan strategi penulisan dengan lebih berkesan. Secara umum, dapat disimpulkan bahawa pelajar memindahkan beberapa teknik dan strategi penulisan daripada kecerdasan dalam bahasa ibunda mereka kepada penulisan dalam bahasa kedua mereka. Strategi menulis dianggap dipelajari dalam bahasa pertama, lalu dipindahkan ke bahasa kedua. Oleh itu, pelajar yang mempunyai pengalaman dalam penulisan bahasa pertama berkemungkinan lebih berjaya dalam perjalanan penulisan bahasa kedua (Hwang, 2025; Nguyen & Gu, 2013).

Pengkaji berpendapat bahawa pelajar yang mempunyai penguasaan bahasa yang baik cenderung menggunakan pelbagai strategi dan taktik untuk melaksanakan tugasan pembelajaran dengan lebih berkesan khususnya mengikut keperluan dan konteks sesuatu tugasan. Dörnyei (2005) menyatakan bahawa pelajar yang mahir dalam pembelajaran bahasa, cenderung mempunyai julat strategi yang lebih besar daripada pelajar yang kurang berkebolehan, dan ini melibatkan strategi penulisan yang lebih berkesan. Pelajar bahasa yang berjaya menggunakan pelbagai jenis strategi untuk tugasan bahasa yang berbeza; memilih strategi yang sesuai untuk sesuatu tugasan berdasarkan spesifikasi tugasan. Dalam mengklasifikasikan strategi, pelbagai perkara telah dibuat dalam penyelidikan yang berasaskan kemahiran seperti memberi tumpuan kepada penulisan. Perkembangan penulisan amat diperlukan oleh pelajar universiti kerana ia merupakan kemahiran yang sangat penting untuk perkembangan akademik mereka. Menulis dianggap sebagai keupayaan penting untuk pembinaan dan pengagihan pengetahuan dalam mana-mana wacana disiplin. Oleh itu, penilaian pencapaian akademik pelajar dalam konteks akademik bergantung terutamanya kepada kebolehan mereka untuk menyampaikan pengetahuan dan idea mereka. Ia membantu

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969

pelajar membuat tugasan utama, meningkatkan keupayaan pemikiran kritis dan membangunkan prestasi dan fungsi kognitif (Graham & Perin, 2007).

Dalam tetapan akademik, penulisan membolehkan pelajar berkongsi penemuan penyelidikan mereka dengan pembaca global, dan membolehkan pelajar meletakkan pemikiran dan penyelidikan mereka dalam saluran antarabangsa. Kemahiran menulis membolehkan kita berkomunikasi dengan individu lain melebihi had masa dan jarak. Ia merupakan kemahiran penting untuk pelajar dalam era yang dipacu internet dan gelombang 4IR (4th Industrial Revolution). Ia merupakan penyebaran budaya, pengetahuan dan idea dari satu generasi ke generasi yang lain dan secara langsung berkaitan dengan pemeliharaan dan pembangunan aspek sosiobudaya, pendidikan dan antropologi kehidupan manusia. Dalam erti kata lain, penulisan bukan sahaja dianggap sebagai kriteria untuk memperoleh ilmu, tetapi juga merupakan satu cara yang penting untuk menyebarkan dan menghasilkan ilmu dalam mana-mana sistem pendidikan dan budaya.

Canagarajah (2002) menerangkan kepentingan menulis melalui lima ciri penting penulisan. Pertama, penulisan mencerminkan dan mencipta realiti; kedua, menulis ialah aktiviti interaksi sosial antara penulis dan pembaca dalam ruang dan masa tertentu. Ketiga, penulisan tercipta daripada rundingan antara penulis dan sumber yang ada dalam konteks tertentu. Keempat, penulisan memberi peluang kepada penulis mengemukakan kepercayaan, ideologi, mengekspresikan diri dan memberi nilai kepada entiti melalui teks. Kelima, penulisan ialah proses dinamik sejarah di mana idea, perjuangan, konflik dan konsep teks terbuka kepada komen dan pendirian pembaca dan penulis. Menulis merupakan salah satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh pelajar universiti untuk mencapai matlamat akademik mereka dan memperoleh prospek pekerjaan yang lebih baik. Malah, kebolehan menulis yang baik sering menunjukkan keupayaan individu untuk mencapai pembangunan profesional dalam bidang akademik mereka.

Hubungan Antara Motivasi Menulis Dan Strategi Menulis


Tema utama dalam literatur perkaitan yang kuat antara motivasi menulis dan strategi menulis. Motivasi mempengaruhi kesediaan pelajar untuk melibatkan diri dalam tugasan menulis, manakala strategi menentukan keberkesanan mereka dalam melaksanakan tugasan tersebut. Zhang et al. (2024) mendapati bahawa pelajar yang bermotivasi lebih cenderung menggunakan strategi penulisan yang berkesan, seperti merancang dan menyemak semula, yang membawa kepada peningkatan prestasi penulisan. Masrul dan Yuliani (2023) turut menunjukkan bahawa motivasi dan pendekatan strategik perlu dilihat secara berkait dalam menjelaskan prestasi penulisan.

Kajian lain juga mendapati strategi penulisan yang dikawal kendiri dan efikasi kendiri menjadi pengantara kepada kesan kerumitan tugasan terhadap prestasi penulisan (Teng & Zhang, 2023). Ini menunjukkan bahawa motivasi sahaja tidak mencukupi; pelajar juga perlu memiliki strategi yang diperlukan untuk menterjemahkan motivasi kepada prestasi. Selain itu, penyelidikan daripada eksperimen menunjukkan bahawa menggabungkan motivasi dan arahan strategi mendapat hasil yang terbaik. Ghanbarbeheshti et al. (2025) mendapati bahawa integrasi strategi efikasi kendiri dengan motivasi sangat ketara dalam meningkatkan ketepatan dan kelancaran penulisan. Dapatan ini mencadangkan bahawa motivasi dan strategi harus diajar bersama dan bukannya secara berasingan.

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969

Rangka Konseptual Kajian

Kerangka konsep kajian dibentangkan dalam Rajah 1. Kajian ini meneroka hubungan antara motivasi menulis, strategi menulis dan prestasi menulis. Penulis yang bermotivasi diketahui memiliki efikasi kendiri dan nilai tugas (Zhang et al., 2014) yang tinggi. Mereka tetap menjalankan tugas menulis hingga selesai. Matlamat mereka adalah untuk menyampaikan maklumat kepada pembaca. Namun, kekurangan kemahiran menulis boleh menjejaskan komunikasi antara penulis dan pembaca (Rahmat, 2021). Oleh itu, Raoofi et al. (2017) mencadangkan agar penulis menggunakan strategi seperti metakognitif, usaha, kognitif, peraturan dan sosial dengan berkesan. Kerangka ini mensintesis hubungan antara motivasi menulis, strategi menulis dan prestasi penulisan berdasarkan sorotan literatur.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Faktor Motivasi Menulis dan Strategi Menulis Bagi Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Universiti

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan carian literatur kerana berada pada peringkat awal dan masih dalam proses eksplorasi. Kaedah ini digunakan kerana ia dapat melihat dengan jelas fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci. Teknik ini mula-mula dicadangkan dalam kes klinikal dan penjagaan kesihatan tetapi pada masa ini ia juga digunakan dalam penyelidikan kemanusiaan (Lubna et al, 2017). Pencarian artikel dilakukan melalui Google Scholar, Scopus, ScienceDirect dan SpringerLink dengan kata kunci seperti motivasi, motivasi menulis, strategi menulis, aspek pembelajaran dan pengajaran pelajar universiti dan hasil penulisan. Pencarian literatur ini membantu kajian dalam mendapatkan beberapa artikel yang boleh mentakrifkan objektif kajian ini. Tempoh kajian adalah antara 2000 hingga 2026 dan daripada 230 artikel yang berkaitan dengan kata kunci, hanya 43 artikel yang dianggap relevan untuk dikaji dan dianalisis kerana berkaitan dengan corak kajian yang mendominasi perbincangan sepanjang tempoh tersebut. Kajian ini berbentuk narrative literature review kerana tujuan utamanya adalah untuk mensintesis dan menerangkan tema serta hubungan yang muncul daripada kajian terdahulu, bukannya menjalankan analisis statistik terhadap data primer. Artikel dipilih berdasarkan kriteria inklusi iaitu berkaitan secara langsung dengan motivasi menulis, strategi menulis, prestasi penulisan atau pembelajaran terkawal kendiri dalam konteks pelajar; artikel yang tidak berkaitan secara langsung dengan fokus kajian tidak dimasukkan dalam analisis.

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969

Perbincangan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji melalui sorotan literatur motivasi menulis pelajar dan penggunaan strategi penulisan mereka, serta hubungan antara keduanya. Berdasarkan sorotan literatur, dapatan kajian terdahulu menunjukkan bahawa pelajar secara amnya mempunyai tahap motivasi yang tinggi terhadap penulisan. Khususnya, motivasi mereka dicerminkan dalam kepercayaan efikasi kendiri yang kuat, kerana mereka menunjukkan keyakinan terhadap keupayaan untuk menyelesaikan tugasan menulis dan bersedia berusaha apabila tugasan tersebut diberikan. Di samping itu, pelajar melihat penulisan sebagai penting dan berguna untuk keperluan akademik dan masa depan mereka. Hasil kajian lepas juga mendapati bahawa pelajar yang menganggap penulisan sebagai berharga dan percaya dengan kebolehan mereka cenderung untuk lebih terlibat dan gigih dalam aspek penulisan (Cleary & Zimmerman, 2004; Alves-Wold et al., 2024; Li et al., 2024).

Dari segi strategi penulisan, sorotan literatur mendapati pelajar menggunakan pelbagai pendekatan, termasuk strategi metakognitif, usaha gigih, serta peraturan holistik, kognitif, sosial dan afektif. Secara metakognitif, pelajar secara aktif memantau dan menilai penulisan mereka seperti menyemak ketepatan tatabahasa dan menyemak semula idea mereka. Ini menunjukkan bahawa mereka sedar tentang proses penulisan dan dapat memperbaiki kerja mereka. Pelajar juga menunjukkan ketekunan, terus bekerja dan berusaha gigih walaupun tugasan menulis itu mencabar. Ini sejajar dengan pandangan bahawa usaha berterusan merupakan komponen utama dalam pembelajaran kawal kendiri yang berjaya (Hwang, 2025; Teng & Yu, 2023; Graham, 2018).

Oleh itu, dari segi strategi afektif, pelajar menunjukkan sikap positif terhadap penulisan dengan menunjukkan keyakinan dan kesanggupan untuk mengambil risiko tanpa takut membuat kesilapan.

Kesimpulan

Selaras dengan objektif kajian, dapat disimpulkan bahawa melalui sorotan literatur, pelajar boleh menunjukkan keupayaan mereka untuk menulis sekiranya mereka mahu berusaha dan motivasi menulis mereka datang daripada rasa percaya kepada diri sendiri untuk menulis dan membiasakan diri dalam penulisan dengan istiqamah. Pelajar juga menggunakan pelbagai strategi, seperti merancang, menyemak kerja, kekal fokus dan meminta bantuan orang lain sekiranya diperlukan dalam strategi penulisan mereka. Ini menunjukkan bahawa penulisan merupakan satu proses kompleks yang melibatkan bukan sahaja kemahiran berfikir tetapi juga motivasi, usaha dan tingkah laku. Selain itu, kajian mendapati hubungan yang jelas antara motivasi menulis dan strategi penulisan. Ini bermakna pelajar yang lebih bermotivasi cenderung menggunakan strategi yang berkesan dalam penulisan mereka. Pada masa yang sama, penggunaan strategi menulis ini juga boleh membantu meningkatkan motivasi mereka. Kaitan ini menunjukkan bahawa motivasi dan penggunaan strategi berkait rapat dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Akhir sekali, kajian ini menunjukkan bahawa penulisan bukan sahaja melibatkan pemikiran dan perancangan tetapi juga emosi dan interaksi sosial. Keyakinan pelajar, kesanggupan mengambil risiko, dan perbincangan dengan rakan sebaya memainkan peranan dalam proses penulisan. Ini menunjukkan bahawa penulisan harus dilihat dengan cara yang lebih holistik, termasuk daripada sudut aspek kognitif, motivasi, sosial dan emosi.

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969

Implikasi Pedagogi

Pencarian daripada sorotan literatur mencadangkan bahawa penulisan tidak seharusnya menumpukan kepada produk akhir tetapi bagaimana pelajar menulis dan perasaan mereka apabila menulis atau sepanjang proses penulisan berlangsung. Pada masa yang sama, pelajar memerlukan bimbingan yang jelas tentang cara menulis. Pengajar harus secara eksplisit mengajar strategi seperti merancang, menetapkan matlamat, menyusun idea, menyediakan draf, menyemak kerja, membuat pemantauan kendiri, mendapatkan maklum balas daripada rakan sebaya dan menulis secara reflektif. Ini membantu pelajar mengubah motivasi mereka kepada prestasi penulisan yang lebih baik. Ia juga penting untuk mewujudkan persekitaran bilik darjah yang menyokong aspek penulisan. Tenaga pengajar harus menggalakkan pelajar untuk terus mencuba walaupun menulis kadangkala merupakan suatu proses yang sukar tetapi memberikan maklum balas yang berguna kepada pelajar. Kerja berkumpulan, seperti perbincangan rakan sebaya dan berkongsi idea, juga dapat menyokong pembelajaran. Walau bagaimanapun, jurang masih kekal dalam memahami hubungan bersepadu antara motivasi dan strategi menulis, terutamanya dalam konteks budaya dan teknologi yang pelbagai. Oleh itu, kajian masa hadapan harus menggunakan pendekatan yang lebih holistik untuk meneroka pandangan bagaimana konstruk ini berinteraksi dan berkembang dari semasa ke semasa. Sekiranya kajian dapat menangani jurang tersebut, ia dapat menyumbang kepada amalan pengajaran yang lebih berkesan dan hasil penulisan yang lebih baik untuk pelajar. Kajian masa hadapan juga boleh menggunakan reka bentuk lain untuk mengkaji perubahan dalam motivasi dan penggunaan strategi merentasi peringkat pembelajaran yang berbeza. Secara lebih khusus, tenaga pengajar boleh membimbing pelajar menetapkan matlamat penulisan, menyediakan pelan sebelum menulis, memantau kemajuan sendiri, mendapatkan maklum balas rakan sebaya, menghasilkan draf, menyemak semula dan menulis refleksi terhadap proses penulisan.

Acknowledgements: The authors would like to express their sincere gratitude to Universiti Teknologi MARA (UiTM) for providing the necessary resources and support throughout this research. Special appreciation is extended to colleagues and peers who contributed valuable insights and constructive feedback, which greatly enhanced the quality of this paper.

Funding Statement: No funding. This paper is independently self-funded by the authors.

Conflict of Interest Statement: The authors declare that there is no conflict of interest regarding the publication of this paper. All authors have contributed to this work and approved the final version of the manuscript for submission to the International Journal of Modern Education (IJMOE).

Ethics Statement: This study is a conceptual paper and does not involve human participants, data collection or personal information. It was done solely based on existing literature and no primary data were collected.

Author Contribution Statement: All authors contributed significantly to the development of this manuscript. Noor Malinjasari Ali and Rahayu Izwani Borhanuddin were responsible for the conceptualization and theoretical framework. Siti Fatimah Mardiah Hamzah and Suzila Mat Salleh were responsible for manuscript writing. Raslina Mohamed Nor contributed to the methodological design and drafted the section for the paper. Ruzaidah Sulong, Siti Nurul Ain Haji Zaiton, Hasmida Mohd Noor, Nurmuslimah Kamilah Abdullah and Hasmi Mokhlas were responsible for literature screening, review and editing.

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969

Rujukan

Aksan, N.(2009). A descriptive study: epistemological beliefs and self-regulated learning. Procedia Social and Behavioral Sciences,1, 896-901

Alves-Wold, A., Walgermo, B. R., McTigue, E., & Uppstad, P. H. (2024). The ABCs of writing motivation: A systematic review of factors emerging from K–5 students' self-reports. Frontiers in Education, 9, 1396484. https://doi.org/10.3389/feduc.2024.1396484

Brown, H. D. (2000). Principles of Language Learning and Teaching by H. Douglas Brown (z-lib.org).pdf. Educational Research, 90, 353-360

Bruinsma, M. (2004). Motivation, cognitive processing and achievement in higher education.Learning and Instruction,14, 549–568

Canagarajah, A. S. (2002). Critical academic writing and multilingual students: Ann Arbor: University of Michigan Press

Cleary, J.C.& Zimmerman, B.J.(2004).Self-regulation empowerment program: A school basedprogram to enhance self-regulated and self-motivation cycles of student learning. Psychology in the Schools, 41(5), 527-550

Dignath, C., Buettner, G. & Langfeldt, H. (2008). How can primary school students learn self-regulated learning strategies most effectively? A meta-analysis on self-regulation training programs. Educational Research Review, 3, 101-129

Dörnyei, Z. (2005). The psychology of the language learner: Individual Differences in second language acquisition: Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum

Ghanbarbeheshti, N., et al. (2025). The effect of self-efficacy and motivational strategies on EFL learners' writing performance. Journal of Applied Linguistics and Second Language Research, 7(1), 45–62.

Graham, S., & Perin, D. (2007). Effective strategies to improve writing of adolescents in middle and high schools. A report to Carnegie corporation of New York, New York: Alliance for Excellent Education.

Graham, S. (2018). Introduction to Conceptualizing Writing. Educational Psychologist, 53(4), 217–219. https://doi.org/10.1080/00461520.2018.1514303

Hasibuan, A. V. P., Munir, A., & Widyastuti. (2024). The correlation between motivational regulation strategies and students' writing ability. ELT-Lectura: Studies and Perspectives in English Language Teaching, 11(2), 166–175. https://doi.org/10.31849/elt-lectura.v11i2.21040

Hwang, G. J. (2025). Effects of self-regulated learning strategies and feedback on students' writing performance. Behavioral Sciences, 15(2), 100. https://doi.org/10.3390/bs15020100

Ikram, M., Wang, T., & Sun, C. (2025). Writing motivation in educational contexts: A systematic review of research trends and future directions (2001–2025). Forum for Linguistic Studies, 7(8), 666–678. https://doi.org/10.30564/fls.v7i8.10525

Keys, C. W. (2000). Investigating the thinking processes of eighth grade writers during the composition of a scientific laboratory report. Journal of Research in Science Teaching, 37(7), 676–690. https://doi.org/10.1002/1098-2736(200009)37:7<676::AID-TEA4>3.0.CO;2-6

Li, Q., Yao, Y., & Zhu, X. (2024). The association between writing motivation and performance among primary school students: The role of self-efficacy. Humanities and Social Sciences Communications, 11, 1722. https://doi.org/10.1057/s41599-024-04298-2

Liew, J. & Mctigue, E. (2008). Academic and effortful control and academic self-efficacy beliefs on achievement: A longitudinal study of 1st through 3rd graders. Early Childhood Research Quarterly, 23. 515-526.

Marten, P. L., & Stadtler, M. (2025). Building resilience against online misinformation: A teacher-led training promoting evaluation strategies among lower secondary students. Computers in Human Behavior, 165, Article 108548. https://doi.org/10.1016/j.chb.2024.108548

Masrul, M., & Yuliani, S. (2023). The roles of motivation, knowledge, and strategic approach in writing performance. ELink Journal, 10(2), 120–130.

Nguyen, L. T. C., & Gu, Y. (2013). Strategy-based instruction: A learner-focused approach to developing learner autonomy. Language Teaching Research, 17(1), 9–30. https://doi.org/10.1177/1362168812457528

Ning, K. H. & Downing, K. (2010). The reciprocal relationship between motivation and self-regulation: A longitudinal study on academic performance. Learning and Individual Differences,20(6),682-686.

Pajares, F. (2000). Influence of self-efficacy on elementary student's writing program to enhance self-regulated and self-motivation cycles of student learning. The Journal of Psychology in the Schools, 41(5), 527-550.

Perry,N.E., Hutchinson, L., & Thauberger, C. (2008).Talking about teaching self-regulated learning: Scaffolding student teachers development and use of practices that promote self-regulated learning. International Journal of Educational Research, 47, 97-108.

Rahmat,N.H. (2021) An Investigative Study of Cognitive and Metacognitive Paraphrasing Strategies in ESL Writing. International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences, 11(3), 76-87. http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v11-i3/8919

Raoofi,S. Miri,A., Gharibi,J. & Malaki, B. (2017) Assessing and Validating a Writing Strategy Scale for Undergraduate Students. Journal of Language Teaching and Research, Vol 8(3), pp 624-633. Retrieved from http://www.academypublication.com/issues2/jltr/vol08/03/23.pdf

Roca de Larios, J., Manchón, R., Murphy, L., & Marín, J. (2008). The foreign language writer's strategic behaviour in the allocation of time to writing processes. Journal of Second Language Writing, 17(1), 30-47

Sasaki, M. (2007). Effects of Study-Abroad Experiences on EFL Writers: A Multiple-Data Analysis. The Modern Language Journal, 91(4), 602-620

Shafiee Rad, H., Alipour, J., Jafarpour, A., & Hashemian, M. (2026). Integrating adaptive learning and expectancy value theory of motivation to enhance L2 learners' writing achievement, error tolerance, and feedback tolerance. Research and Practice in Technology Enhanced Learning, 21, Article 14. https://doi.org/10.1186/s41039-026-00014-x

Shurovi, M. (2025). Investigating the role of EFL learners' goal orientation, task value and writing anxiety in learning strategies: A structural equation modelling approach. Cogent Education, 12 (1), Article 2589593. https://doi.org/10.1080/2331186X.2025.2589593

Teng, M. F., & Yue, M. (2023). Metacognitive writing strategies, critical thinking skills, and academic writing performance: A structural equation modeling approach. *Metacognition and Learning, 18*(1), 237–260. https://doi.org/10.1007/s11409-022-09328-5

Wigfield, A., & Cambria, J. (2010). Students' achievement values, goal orientations, and interest: Definitions, development, and relations to achievement outcomes. Developmental Review, 30(1), 1–35. https://doi.org/10.1016/j.dr.2009.12.001

Wong, A. T. (2005). Writers' mental representations of the intended audience and of the rhetorical purpose for writing and the strategies that they employed when they composed. System, 33(1), 29-47.

Yeung, P.-s., Chung, K. K.-h., Chan, D. W.-o., & Chan, E. S.-w. (2024). Relationships

International Journal of Modern Education
IJMOE
EISSN: 2637-0905
Volume: 8 Issue: 31 (September 2026) PP. 1953-1969

of writing self-efficacy, perceived value of writing, and writing apprehension to writing performance among Chinese children. *Reading and Writing*. https://doi.org/10.1007/s11145-024-10512-z

Zhang, H., Song, W., Shen, S., & Huang, R. (2014). The effects of blog-mediated peer feedback on learners' motivation, collaboration, and course satisfaction in a second language writing course. Australasian Journal of Educational Technology, 30(6).

Zhang, J., Liu, Y., & Cheong, C. M. (2024). The effect of growth mindset on motivation and strategy use in Hong Kong students' integrated writing performance. *European Journal of Psychology of Education, 39*, 2915–2934. https://doi.org/10.1007/s10212-024-00859-w

Zimmerman, B. J. (2001). Theories of self-regulated learning and academic achievement: an overview and analysis. In B. J. Zimmerman, & D. H. Schunk (Eds.), Self-regulated learning and academic achievement: Theoretical perspectives (pp. 1, 38)., 2nd ed. Mahwah, NJ: Erlbaum.

Zimmerman, B. J., & Kitsantas, S. A. (2005). Homework practices and academic achievement: The mediating role of self-efficacy and perceived responsibility beliefs. Contemporary Educational Psychology, 30(4), 397-417